

Headline	Sukuk Hijau tarik pelaburan, bantu jimat tarif elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	12
ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>	Journalist	Shahino Mah
PR Value	RM 83,244		

# Sukuk Hijau tarik pelaburan, bantu jimat tarif elektrik

- Sukuk Hijau lebih fokus kepada pelaburan projek ekonomi mesra alam dan lestari dalam pelbagai sektor seperti perkhidmatan kewangan, tenaga, pengangkutan, kerajaan dan banyak lagi
- Malaysia pernah melaksanakan skim Geran Sukuk Hijau di bawah Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) diterbitkan di bawah Piawaian Bon Hijau, Sosial dan Kemampanan ASEAN



Oleh Dr Shahino Mah Abdullah  
bhrecaana@bh.com.my

Pensyarah Kanan, Ketua Penyelidikan SMART, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kadar tarif elektrik mengalami peningkatan sedikit demi sedikit atas faktor kos bahan api dan kos penajaan tenaga semakin meningkat. Ia menelan belanja berbilion ringgit susulan kenaikan harga arang batu di pasaran sehingga mencecah AS\$200 per tan.

Disebabkan peningkatan kos ini, kerajaan memutuskan pelaksanaan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang disemak setiap enam bulan.

Dalam membantu golongan terkecas, kerajaan melaksanakan pemberian rebat dan pengecualian surcaj bagi semua pengguna domestik di seluruh Semenanjung. Langkah ini memperuntukkan ratusan juta ringgit dana Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk menanggung kos berkenaan.

Ini membuktikan kebergantungan kepada sumber bahan api fosil memberi impak besar kepada ekonomi negara. Jika kebergantungan terhadap sumber ini diteruskan, kelak kemungkinan besar rakyat bakal dibebani dengan tarif elektrik lebih tinggi pada masa depan.

Justeru, sudah tiba masanya untuk kerajaan dan pengeluar tenaga melaksanakan sistem tenaga campuran dengan memperluaskan lagi sumber tenaga boleh diperbaharui yang bukan sahaja berpotensi menjimatkan kos, malah lebih mesra alam.

Sumber tenaga boleh diperbaharui seperti diketahui umum boleh didapati percuma secara semula jadi dari alam sekitar. Terdapat banyak sumber tenaga boleh diperbaharui di negara ini boleh diterokai sesuai dengan keperluan rakyat dan negara.

Tenaga suria adalah satu daripada sumber tenaga boleh diperbaharui tidak asing lagi di Malaysia kerana terdapat banyak loji tenaga solar dibangunkan syarikat tempatan termasuk Tenaga Nasional Bhd (TNB) sebagai pembekal tenaga elektrik utama di negara ini.

Namun, jumlah peratusan tenaga dijana dengan panel solar masih rendah walaupun Malaysia mempunyai kelebihan dalam menerima jumlah cahaya matahari tinggi sepanjang tahun. Ini jelas terdapat banyak lagi ruang untuk Malaysia memperluas loji tenaga suria bagi memastikan ia menjadi satu daripada sumber tenaga utama negara, sekali gus mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida.

## Perlu sokongan kewangan kukuh

Untuk merealisasikan hasrat ini, sokongan kewangan kukuh sangat diperlukan. Selain peruntukan kerajaan yang tinggi dalam usaha peralihan tenaga fosil kepada tenaga bersih, keperluan kewangan ini juga dapat dijana melalui Sukuk Hijau yang mampu menarik pelaburan dari pelbagai pihak sama ada swasta atau individu.

Pada asasnya, sukuk adalah instrumen kewangan Islam patuh syariah membolehkan pemilikan aset untuk dilaburkan dalam membuat keuntungan

jangka panjang yang jauh lebih selamat berbanding pelaburan ekuiti. Sukuk bebas daripada unsur riba jika dibandingkan dengan konsep bon bersandarkan kepada hutang.

Terdapat beberapa jenis sukuk mengikut kontrak tertentu seperti Sukuk Mudharabah, Musharakah, Murabahah, Wakalah dan Ijarah. Sukuk Hijau lebih fokus kepada pelaburan projek ekonomi mesra alam dan lestari dalam pelbagai sektor seperti perkhidmatan kewangan, tenaga, pengangkutan, kerajaan dan banyak lagi.

Malaysia pernah melaksanakan skim Geran Sukuk Hijau di bawah Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) diterbitkan di bawah Piawaian Bon Hijau, Sosial dan Kemampanan ASEAN.

Malaysia juga pernah menjadi negara pengeluar Sukuk Hijau terbesar dunia dengan kerjasama antara Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Bank Dunia untuk membina projek tenaga solar terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah peruntukan RMI bilion bagi menjayakan pembinaan Quantum Solar Park Malaysia.

Langkah ini wajar diteruskan dan diperkasa kerana ia terbukti berjaya mendapatkan pelaburan dalam menyokong pembangunan loji jana kuasa boleh diperbaharui menguntungkan.

Tidak lupa juga, dalam membangunkan fasiliti ladang solar bagi penajaan tenaga berskala besar pada masa akan datang, penebangan hutan wajar dikurangkan dan sekiranya boleh, ia perlu dielakkan sesuai dengan ungkapan 'tenaga mesra alam'.

Bagi mengatasi masalah ruang terhad untuk pemasangan panel solar, negara boleh menggunakan ruang tidak digunakan seperti di atas bumbung bangunan seperti kediaman, bangunan kerajaan, swasta dan kilang. Idea pajakan bumbung kediaman untuk pemasangan panel solar turut dapat meningkatkan lagi jumlah janaan tenaga daripada sumber matahari tanpa penebangan hutan.

Negara perlu meneroka kawasan lapang tidak digunakan seperti tasik, takungan, empangan, lombong dan perairan yang tenang bagi pemasangan panel solar terapan. Kawasan seperti ini sangat luas dan sesuai untuk pemasangan panel solar, dapat meningkatkan kecekapan penajaan tenaga panel solar berkenaan.

Strategi ini dibuktikan berjaya di negara



sejarah seperti Indonesia, Singapura dan Thailand yang memasang panel solar terapan berkapasiti tinggi.

Di daratan pula, terdapat ladang tanaman tidak lagi membuahkan hasil atau tidak diusahakan seperti ladang sawit tertentu. Sekiranya boleh, ia mungkin berpotensi untuk diubah kepada ladang solar dalam mengelakkan penebangan hutan baharu.

## Perbanyak loji WTE tangani isu sampah

Usaha peralihan tenaga bersih ini seharusnya turut dilaksanakan dengan pembangunan loji janaan berdasarkan 'sisa buangan kepada tenaga' (WTE). WTE memainkan peranan penting dalam pengurusan sisa mampan dan mengurangkan pergantungan kepada sumber fosil menyumbang kepada pelepasan karbon tinggi.

Antara kelebihan loji tenaga ini adalah ia dapat menjana tenaga daripada sisa buangan tidak boleh lagi diguna semula dengan tujuan lain, atau dikitar semula. Ia juga dapat menjana tenaga ketika ketiadaan tenaga suria pada waktu malam, sekali gus dapat membina sistem saling melengkapi antara loji tenaga suria dan tenaga WTE.

Memandangkan populasi semakin meningkat, lebih banyak bahan buangan akan dihasilkan dan dengan itu, lebih banyak loji WTE diperlukan untuk menangani isu tapak pelupusan sampah. Loji seperti ini dapat menghapuskan sisa buangan mencemarkan alam sekitar dengan berkesan dan menjimatkan kawasan pelupusan sampah.

Sekiranya kawasan pelupusan sampah mencemarkan ini dapat dikurangkan, ia dapat memberi ruang tambahan untuk pemasangan panel solar lebih bermanfaat.

Pendekatan ini lebih lestari, teratur dan sistematik dalam menyediakan fasiliti tenaga boleh diperbaharui berdasarkan strategi tenaga campuran membolehkan pelbagai jenis sumber tenaga menjimatkan kos dan mesra alam. Pulangan pelaburan bagi pemasangan sistem tenaga solar akan dapat dicapai dalam masa beberapa tahun.

Apabila pulangan pelaburan tercapai, tenaga solar dijana adalah percuma kerana tiada lagi kos terbahagi seperti bahan api perlu dibakar dan ia akan menguntungkan syarikat utiliti kerana pengguna meneruskan bayaran tenaga elektrik digunakan.

Pada permulaannya, keuntungan diperoleh mampu menghapuskan jumlah kerugian terdahulu jika ada manakala, kebergantungan kepada subsidi dapat dihentikan apabila keuntungan selanjutnya diterima adalah jumlah bersih bakal dinikmati syarikat utiliti berkenaan.

Dengan ini, sumber tenaga boleh diperbaharui mampu menjimatkan kos janaan dan menghapuskan kos bahan bakar. Ia bukan sahaja mampu mengelakkan kenaikan harga tarif elektrik, malah mengurangkan bayaran perlu dikeluarkan pengguna pada masa akan datang.

Namun, pemerkasaan Sukuk Hijau wajar diketengahkan dalam menyokong usaha ini bagi merealisasikan peralihan tenaga bersih, selari dengan 'Pelaksanaan Halal Tuju Peralihan Tenaga Negara' (NETR) dalam memastikan negara mencapai sasaran kapasiti tenaga boleh diperbaharui sebanyak 70 peratus menjelang 2050.